

# INSTITUSI EKONOMI

# OBJEKTIF

- Membincangkan konsep ekonomi Islam mengikut pandangan al-Quran dan ciri harta yang mendapat keredaan Allah.
- Membincangkan aktiviti ekonomi untuk memenuhi keperluan manusia dalam kehidupan.
- Membandingkan antara sistem ekonomi Islam dan Barat.

# PENDAHULUAN

- Manusia memerlukan pelbagai keperluan dalam kehidupannya yang boleh dibahagikan kepada keperluan primer, sekunder, dan tertier.
- Keupayaan memenuhi keperluan tersebut menentukan kedudukan sosio-ekonomi seseorang dalam kehidupan.
- Persoalan utama dalam ekonomi ialah keperluan, produksi, konsumsi (pemanfaatan), pemasaran, dan pengedaran.

# ISTILAH EKONOMI

- Berasal daripada kata Yunani, *oikos* dan *nomos* yang bermaksud peraturan mengurus rumah tangga.
- Adam Smith mentakrifkan kehidupan ekonomi sebagai keseluruhan cara sistematik dengan menunjukkan bagaimana semuanya itu berhubungan antara satu sama lain
- Lionel Robbins mendefinisikan ekonomi sebagai ilmu yang mempelajari tingkah laku manusia dalam hubungan dengan tujuan dan sumber yang mempunyai pelbagai penggunaan.

# DEFINISI EKONOMI

- Definisi ekonomi secara terminologi ialah suatu disiplin ilmu mengenai cara manusia membuat pilihan dalam penggunaan sumber produksi yang terhad untuk menghasilkan berbagai jenis barangan dan perkhidmatan dan mendistribusikannya kepada anggota masyarakat untuk digunakan.

# Konsep Harta Dalam Islam

- Harta diertikan sebagai harta benda ekonomi dan hak pemilikan yang mempunyai nilai pertukaran dengan syarat mempunyai kegunaan dan manfaat.
- Ibn Abd al-Rasul membahagikan harta kepada dua;
  - (1) harta yang dimiliki atau dikuasai yang boleh diurus, dijual, dihibah, diwasiat dan digadai;
  - (2) harta yang tidak dimiliki atau tidak dikuasai yang tidak boleh diurus, dijual, dihibah dan digadai contohnya wakaf.

## Sambungan ...

- Menurut al-Quran, harta adalah milik Allah yang merangkumi segala yang dapat dikumpul dan dimanfaatkan oleh manusia sebagai pemegang amanah Allah yang akan dipersoalkan terhadap amanah tersebut.

# Konsep Harta Dalam Islam

## **(1) HARTA MILIK ALLAH**

Sistem ekonomi Islam adalah berdasarkan keyakinan bahawa Allah sahaja yang memiliki dan menguasai setiap sesuatu.

## **(2) HARTA MILIK INDIVIDU**

Islam mengiktiraf hak individu untuk memiliki harta. Bahkan Islam menggalakkan manusia supaya bekerja untuk memperolehi harta dan memenuhi keperluan hidup.

## **(3) HARTA MILIK MASYARAKAT**

Dalam harta hak individu terdapat hak milik masyarakat yang perlu dikeluarkan melalui zakat dan sedekah.



# DALIL HARTA MILIK ALLAH

- *“Dan hanya kepunyaan Allahlah apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi supaya Dia memberi balasan kepada orang yang berbuat jahat terhadap apa yang telah mereka kerjakan dan memberi balasan kepada orang-orang yang berbuat baik dengan pahala yang lebih baik ”*

(surah al-Najm, 53:31)

# DALIL HARTA MILIK INDIVIDU

- *“Ambillah sedekah (zakat) daripada sebahagian harta mereka yang dengannya kamu membersihkan dan menyucikan mereka”.*

(al-Taubah, 9:103)

# DALIL HARTA MILIK MASYARAKAT

- *“Dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan memerdekakan hamba sahaya, mendirikan salat dan menunaikan zakat”*

(al-Baqarah, 2:177)

# HARTA POSITIF DAN NEGATIF

- Harta positif dikaitkan kepada harta yang pengumpulan dan pemanfaatannya membawa kepada keredaan Allah.
- Manakala harta yang negatif ialah harta yang dikumpul dan dimanfaatkan dengan cara yang dimurkai oleh Allah.

# Konsep Ekonomi Islam



- **KEADILAN SOSIAL**

Islam menganjurkan agar kekayaan diagihkan kepada golongan masyarakat yang berhak mendapat bantuan dan pembelaan melalui institusi zakat dan sedekah.

- **KESEIMBANGAN EKONOMI ISLAM**

- Melalui pengawasan terhadap tingkah laku ekonomi supaya berlaku keseimbangan antara kepentingan dunia dan akhirat dan antara kepentingan individu dan kepentingan umum.

# HALAL DAN HARAM DALAM PENGUMPULAN HARTA

- Islam menetapkan bahawa perolehan harta untuk dimiliki adalah dengan cara yang halal kerana Allah secara tegas melarang manusia mengumpul harta dengan cara yang salah/batil.
- Islam menganjurkan supaya transaksi dijalankan dengan jelas, tiada riba, tiada penipuan (ghurur), tiada penganiayaan, perjudian (maisir) dan sebagainya.

# LARANGAN MENGUMPUL HARTA DENGAN CARA YANG SALAH

- *Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain antara kamu dengan jalan yang batil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, pada hal kamu mengetahuhi.*

*(al-Baqarah, 2:188)*

## sambungan ...

*“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama suka antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu sesungguhnya Allah adalah Maha Penyayang kepadamu.”*

*(al-Nisa', 4:9)*



# ETIKA MEMBELANJAKAN HARTA

- Harta yang dimiliki hendaklah dibelanjakan mengikut cara yang dibenarkan oleh agama.
- hendaklah bersifat adil, tidak bakhil, tidak boros tetapi harus sederhana dan berpatutan.



# MATLAMAT EKONOMI ISLAM

- Mencari keredhaan Allah
- Menjamin kesejahteraan hidup
- Menunaikan amanah sebagai khalifah di atas muka bumi

# EKONOMI BARAT: SOSIALIS & KAPITALIS

## **Kapitalis:**

Dibentuk melalui penguasaan modal dan diasaskan atas tiga gagasan:

- Perolehan
  - Persaingan
  - Rasional
- Individu diberi kebebasan sepenuhnya untuk memperoleh dan memanfaatkan harta

## **Sosialis:**

Berdasarkan pemilikan harta adalah hak negara.

# PERBEZAAN ANTARA KAPITALISME & SOSIALISME

KAPITALISME	SOSIALISME
<b>Pengambilan untung yang berlebihan.</b>	<b>Dijalankan oleh kerajaan.</b>
<b>Keputusan kegiatan ekonomi dibuat oleh orang perseorangan</b>	<b>Keputusan tentang ekonomi (pengeluaran dan perancangan) dibuat oleh kerajaan/badan yang dibentuk oleh kerajaan</b>
<b>Modal milik perseorangan</b>	<b>Modal milik kerajaan</b>
<b>Pemerintah tidak boleh mencampuri urusan individu</b>	<b>Individu tiada hak untuk memiliki harta</b>
<b>Berdasarkan prinsip kos rendah dan pulangan tinggi</b>	<b>Cara pengeluaran barang ditentukan oleh kerajaan</b>

# PIRAMID SISTEM EKONOMI KAPITALISME



# EKONOMI ISLAM & BARAT

ISLAM	BARAT
<b><u>TUJUAN</u></b>  <b>-Mencari keredhaan Allah &amp; sebagai ibadah</b>	<b><u>TUJUAN</u></b>  <b>-Mencari keuntungan</b>
<b>-Demi pembangunan umat &amp; kepentingan masyarakat</b>	<b>-Bebas memiliki semaksimum harta tanpa gangguan</b>
<b>-Agihan harta secara sekata</b>	<b>-Bebas mengawal harga</b>

# EKONOMI ISLAM & BARAT

ISLAM	BARAT
<b>-Berlandaskan wahyu Quran dan Sunnah.</b>	<b>-Berlandaskan nafsu manusia dan sentiasa berubah-ubah.</b>
<b>-Tiada penindasan dan kezaliman</b>	<b>-Berlaku penindasan dan kezaliman</b>
<b>-Melampaui pemikiran manusia</b>	<b>-Kegiatan monopoli ekonomi menambah bebanan masyarakat</b>

